

| PIHAK-PIHAK | |
|--|---|
| UKM | UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, Sebuah institut pengajian tinggi yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Kolej, 1971, yang bertindak melalui fakultinya Fakulti _____ dan mempunyai alamat berdaftarnya di Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia |
| Penerima | sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah undang-undang _____ mempunyai alamat berdaftarnya di _____ |
| BUTIR-BUTIR | |
| Tarikh Kuatkuasa | Tarikh berkuatkuasa perjanjian ini ialah: |
| Maklumat Sulit | Semua maklumat (tanpa mengira bentuk) yang berkaitan dengan: — atau sebarang maklumat lain yang diangkat sebagai sulit oleh UKM atau berkaitan dengan aktiviti dan perniagaan semasa atau masa depan UKM termasuk terma-terma perjanjian ini dan terma-terma sebarang dokumen, perjanjian atau notis lain di antara pihak yang berkaitan dengan perjanjian ini. |
| TERMA-TERMA KHAS | |
| Perjanjian ini adalah tertakluk kepada terma-terma khas berikut: Terpakai / Tidak Terpakai | |

TERMA-TERMA AM

1. Pemberitahuan Maklumat Sulit

UKM bersetuju untuk memberitahu kepada Penerima, Maklumat Sulit tertentu semata-mata bertujuan untuk menilai Maklumat Sulit tersebut untuk menentukan samada akan memasuki rundingan lanjut dengan UKM berkaitan pembangunan atau perdagangan Maklumat Sulit tersebut ("Tujuan"). UKM tidak berobligasi untuk mendedahkan mana-mana maklumat kepada Penerima.

2. Maklumat Sulit

Perjanjian ini terpakai kepada Maklumat Sulit dan yang dibekalkan oleh UKM kepada Penerima atau diperolehi dari UKM oleh Penerima tetapi tidak termasuk maklumat-maklumat yang:

- a) adalah dalam atau menjadi maklumat awam selain daripada melalui kemungkiran perjanjian ini; atau
- b) Penerima boleh membuktikan secara dokumentasi bertulis bahawa maklumat tersebut telah berada dalam pengetahuannya semasa pendedahan oleh UKM

3. Perlindungan Maklumat Sulit

Penerima bersetuju untuk mengambil semua tindakan yang perlu untuk mengekalkan keadaan sulit Maklumat Sulit tersebut untuk tempoh Tujuan tersebut dan _____ tahun selepas Tujuan tersebut dicapai, tanpa menghadkan kepada yang berikut, akan:

- a) menggunakan atau membuat salinan sebarang Maklumat Sulit hanya untuk Tujuan tersebut
- b) mendedahkan Maklumat Sulit hanya kepada wakil Penerima yang perlu mengetahui tentang Maklumat Sulit tersebut untuk mencapai Tujuan tersebut; dan
- c) memaklumkan setiap wakil dan menasihatkan setiap pekerja, sebelum mereka menerima laluan kepada Maklumat Sulit tersebut, berkenaan dengan tanggungjawab kerahsiaan Penerima tersebut di bawah Perjanjian ini, dan menghendaki setiap wakil tersebut untuk mengekalkan kerahsiaan tersebut.

4. Kawalan dan Makluman Kemungkiran

Penerima mesti menentukan dan mengekalkan langkah-langkah kawalan yang berkesan untuk menjaga Maklumat Sulit tersebut daripada dapat diterima oleh pihak yang tidak diberikuasa, penggunaan, salinan atau penyebaran. Penerima mestilah dengan serta merta memaklumkan UKM sebarang kemungkinan, syak atau penyebaran yang sebenarnya Maklumat Sulit tersebut atau kemungkiran perjanjian ini.

5. Bukan Lesen

Penerima mengakui bahawa perjanjian ini tidak memberi Penerima sebarang lesen atau hak-hak lain berkaitan dengan Maklumat Sulit tersebut melainkan yang dinyatakan secara tersurat di dalam perjanjian ini.

6. Pengembalian Maklumat Sulit

Penerima mestilah atas biayanya sendiri mengembalikan kepada UKM semua dokumen dan material lain yang mengandungi atau merujuk kepada Maklumat Sulit kepada UKM dalam tempoh 15 hari daripada tarikh permintaan bertulis oleh UKM. Pemulangan dokumen-dokumen tersebut atau material lain tidak melepaskan Penerima daripada tanggungjawabnya kepada UKM.

7. Tiada Representasi

Penerima mengakui bahawa UKM atau mana-mana wakilnya tidak: (a) membuat/memberi sebarang representasi atau waranti kepada ketepatan, kandungan, kesahan atau kesempurnaan Maklumat Sulit; atau (b) di bawah sebarang obligasi untuk memaklumkan kepada Penerima sekiranya salah satu pihak menyedari tentang sebarang ketidaktepatan, kesempurnaan atau perubahan di dalam Maklumat Sulit.

8. Undang-Undang Terpakai

Kesahihan, pembuatan, dan perlaksanaan Perjanjian ini adalah tertakluk kepada Undang-Undang Malaysia. Setiap pihak menyerahdiri kepada kuasa kehakiman mahkamah-mahkamah di Malaysia.

| DITANDATANGANI untuk dan bagi pihak UKM oleh wakilnya yang telah diberi kuasa: | DITANDATANGANI untuk dan bagi pihak Penerima oleh wakilnya yang telah diberi kuasa: |
|--|---|
| Tandatangan | Tandatangan |
| Nama | Nama |
| Jawatan | Jawatan |
| Tarikh | Tarikh |
| Dengan kehadiran: | Dengan kehadiran: |
| Tandatangan | Tandatangan |
| Nama | Nama |